

04 AUG 1996

Samy-India

MIC SUDAH BOSAN DENGAN JANJI, KATA SAMY

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu memberitahu perhimpunan agung tahunan ke-43 parti itu hari ini bahawa MIC sudah bosan dengan janji-janji palsu yang diberikan kepada masyarakat India selama ini.

Setelah 17 tahun menerajui MIC, katanya beliau tidak dapat memberikan sumbangan sewajarnya kepada masyarakat India kerana MIC tidak menerima kerjasama dan sokongan yang diperlukannya.

"Saya memohon maaf kepada anda. Tidak banyak yang dapat saya lakukan untuk anda kerana kuasa tidak ada di tangan kita," kata beliau ketika menutup perhimpunan selama dua hari itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Perhimpunan itu diadakan sempena ulang tahun ke-50 penubuhan MIC dan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Samy Vellu berkata MIC telah memutuskan untuk tidak begitu bergantung kepada kerajaan dalam usahanya bagi membaiki taraf ekonomi masyarakat India.

"Saya tidak boleh memberitahu masyarakat India tentang janji-janji kerajaan untuk selama-lamanya. Berapa lama saya boleh berbuat begitu. Mulai sekarang kita mesti berdikari," kata beliau.

Samy Vellu berkata bahawa MIC kini perlu merangka satu rancangan kecemasan untuk memperbaiki keadaan masyarakat India. "Saya mahu membentuk sebuah masyarakat India yang berdikari," kata beliau.

Presiden MIC itu berkata masyarakat India patut diberikan pengiktirafan dan penghormatan yang sewajarnya oleh semua pihak.

Beliau memberikan contoh mengenai keadaan para pekerja ladang yang dahulunya dipandang rendah oleh penjajah British "dengan gelaran-gelaran yang menghina."

"Hari ini, masyarakat India di ladang-ladang juga dilayan dengan keji. Masa depan mereka diabaikan apabila ladang-ladang ditutup untuk dimajukan dengan projek-projek besar," katanya.

Samy Vellu berkata MIC akan mengadakan satu sesi perbincangan tidak lama lagi berhubung masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat India dan merangka strategi bagi mengatasinya.

Mengenai tindakan merobohkan kuil-kuil Hindu yang dibina di tanah milik kerajaan dan orang persendirian, beliau memberikan tempoh sebulan kepada semua pemimpin MIC di peringkat cawangan supaya menyediakan senarai kuil-kuil yang terlibat di kawasan masing-masing.

"Kami kemudiannya akan membincangkannya dengan Majlis Kuil Hindu Kebangsaan mengenai langkah-langkah yang akan diambil," kata beliau.

Pada persidangan berita selepas majlis itu, Samy Vellu berkata ada pihak berpendapat bahawa beliau tidak bersetuju mengenai cadangan untuk mendapatkan satu lagi jawatan menteri Kabinet untuk MIC.

"Mereka fikir bahawa saya tidak mahu (timbangan presiden MIC) Datuk S.Subramaniam menjadi menteri kerana itu akan menjejaskan kedudukan saya.

"Ini tidak benar kerana saya telah berulang kali meminta supaya MIC diberikan satu lagi jawatan menteri tetapi ia masih belum berhasil," kata beliau. -- BERNAMA

ES MZ MAI